

KPDNHEP bendung kenaikan harga barang keperluan sepanjang PKP

April 12, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



PUTRAJAYA, 12 April - Skim Harga Maksimum akan dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, KPDNHEP, bagi membendung kenaikan harga barang keperluan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan, PKP Tahap Tiga.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menjelaskan, langkah berkenaan diambil bagi mengelak mana-mana pihak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang keperluan.

Dalam perkembangan sama, Datuk Seri Ismail Sabri berkata KPDNHEP menjalankan pemeriksaan khas terhadap barangan keperluan harian di seluruh negara bagi menentukan tahap 25 jenis barangan yang menjadi pilihan utama pengguna di pasaran.

Jelasnya, setakat SEMALAM pemantauan khas telah dilaksanakan melalui seribu 205 pemeriksaan melibatkan para peniaga di peringkat peruncit, pemborong dan pengilang.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga memaklumkan bekalan barang keperluan basah dan kering terutamanya beras adalah lebih daripada mencukupi.

<http://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/17480-kpdnhep-bendung-kenaikan-harga-barang-keperluan-sepanjang-pkp>